

MEMPERKASAKAN KEPUSTAKAAN DALAM PENDIDIKAN ISLAM DAN PENGAJIAN ISLAM DI MALAYSIA MELALUI PERANTARAAN PENGGUNAAN PERISIAN ENDNOTE

Kamarul Azmi Jasmi

Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia

Suggested Citation:

Jasmi, K. A. (2004). Memperkasakan Kepustakaan dalam Pendidikan Islam dan Pengajian Islam di Malaysia Melalui Perantaraan Penggunaan Perisian Endnote in *Bengkel Endnote dalam Penulisan Akademik* at Dewan Pengajian Siswazah, T07, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia anjuran Persatuan Pengajian Siswazah, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, on 25 Oktober 2014 , pp 1-12.

Abstrak

Kerta kerja ini membincangkan secara khusus penulisan akademik dan penggunaan perisian Endnote dalam tulisan akademik tersebut. Faedah penggunaan perisian Endnote dari penjimatan masa, kosong silap dalam penulisan rujukan, perancangan pembinaan keupustakaan dalam bidang Pendidikan dan Pengajian Islam, dan peningkatan profesionalisme para pensyarah dan para pelajar dalam bidang dalam penulisan. Turut dikupas secara mendalam dalam kertas kerja ini ialah penghuraian cara pemasangan Endnote, pengendaliannya, dan pengubahsuaianya berdasarkan gaya rujukan dalam penulisan akademik khususnya di Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia dan umumnya dalam bidang Pendidikan Islam dan Pengajian Islam di Malaysia.

REFERENCES

- Al-Nawawi, M. a.-D. (1998). *Riyad al-Salihin* (S. a. Al-Arna'ut Ed.). Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Amato, C. J. (1998). *The World's Easiest Guide to Using the APA: A User-Friendly Manual for Formatting Research Papers According to the American Psychological Association Style Guide* (Second Edition ed.). Westminster, CA: Stargazer Pub.
- Belt, P., Mottonen, M., & Harkonen, J. (2011). *Tips for Writing Scientific Journal Articles*. Finland: University of Oulu.
- Burrows, T. (2011). *Writing Research Articles for Publication*. Asian Institute of Technology Language Center. Khlong Luang, Thailand. Retrieved from <http://www.ait.ac.th/education/LanguageCenter/ait-writing-services/Writing%20Research%20Articles%20for%20Publication.pdf>
- Creame, P. (2008). *Writing at University: A Guide for Students*. Buckingham, England: Open University Press.
- Ebrahim, N. A., Salehi, H., Embi, M. A., Tanha, F. H., Gholizadch, H., Motahar, S. M., & Ordi, A. (2013). Effective Strategies for Increasing Citation Frequency. *International Education Studies*, 6(11).
- Fowler, J. H., & Aksnes, D. (2007). Does self-citation pay? *Scientometric*, 72(3), 427–437. doi: 10.1007/s11192-007-1777-2

- Hajjem, C., Harnad, S., & Gingras, Y. (2005). Ten-Year Cross-Disciplinary Comparison of the Growth of Open Access and How it Increases Research Citation Impact. *Bulletin of the IEEE Computer Society Technical Committee on Data Engineering*.
- Hartley, J. (2008). *Academic Writing and Publishing: A practical handbook*. London: Routledge.
- Holloway, B. R. (2008). *Technical Writing Basics: A Guide to Style and Form* (Forth Edition ed.). Upper Saddle River, NJ: Pearson/Prentice Hall.
- Jasmi, K. A. (2013a). Al-Quran Satu Mukjizat yang Menakjubkan. In K. A. Jasmi (Ed.), *Penciptaan Manusia dari Perspektif al-Quran*. Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Pres.
- Jasmi, K. A. (2013b). *Penciptaan Manusia dari Perspektif al-Quran*. Skudai, Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, K. A. (2014a). *Kaedah Penulisan Kertas Kerja*. Skudai, Johor: Faculty of Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, K. A. (2014). *Membina, Mengurus My Citation, dan Meningkatkan Citation dalam Indeks Google Scholar (GS) dalam Kalangan Sarjana Pendidikan Islam*. Paper presented at the Bengkel Pemantapan Akademik. <http://eprints.utm.my/42263/>
- Jasmi, K. A. (2014d). *Memperkasakan Kepustakaan dalam Pendidikan Islam dan Pengajian Islam di Malaysia Melalui Perantaraan Penggunaan Perisian Endnote*. Paper presented at the Bengkel Endnote dalam Penulisan Akademik, Dewan Pengajian Siswazah, T07, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, K. A., Ahamed, A. M., & Noor, J. M. M. (2014). Mahasiswa dan Matlamat Hidup yang Jelas Selaku Bakal Pemimpin Masa Depan. In K. A. Jasmi (Ed.), *Mahasiswa dan Kehidupan dari Perspektif Islam* (Vol. 1). Skudai, Johor: Penerbit UTM.
- Jasmi, K. A., Ahmad, A., & Jamarluddin, I. A. (2013). Al-Quran dan biologi. In K. A. Jasmi (Ed.), *Penciptaan Manusia dari Perspektif al-Quran* (pp. 49-73). Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Jasmi, K. A., & Ahmad Zawawi, N. (2013). Al-Quran dan Geografi. In K. A. Jasmi (Ed.), *Sains Asas, Fizik, Kimia dan Geografi dari Perspektif al-Quran* (pp. 55-81). Skudai, Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, K. A., & Che Noh, M. A. (2013). *Sejarah, Kaedah, serta Model Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran*. Paper presented at the Bengkel Pemulihan dan Pengayaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) al-Quran SRA JAWI, Lecture Hall, Masjid Negara, Kuala Lumpur. <http://eprints.utm.my/38791/1/Cover%20%26%20Paper.pdf>
- Jasmi, K. A., & Hassan, N. (2013). Al-Quran dan Geologi. In K. A. Jasmi (Ed.), *Geologi, Hidrologi, Oceanografi dan Astronomi dari Perspektif al-Quran* (pp. 1-19). Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Jasmi, K. A., Mahamad Remli, M. I., & Wan Ibnurushdi, W. E. (2014). Mahasiswa dan Aktiviti Senaman. In K. A. Jasmi (Ed.), *Mahasiswa dan Kehidupan dari Perspektif Islam* (Vol. 3). Skudai, Johor: Penerbit UTM.
- Jasmi, K. A., & Mat Udin, S. (2013). Al-Quran dan Zoologi. In K. A. Jasmi (Ed.), *Botani, Zoologi dan Tenaga dari Perspektif al-Quran* (pp. 17-31). Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Jasmi, K. A., & Mohd Hanafiah, N. S. (2013). Al-Quran dan Oceanografi. In K. A. Jasmi (Ed.), *Geologi, Hidrologi, Oceanografi dan Astronomi dari Perspektif al-Quran* (pp. 43-59). Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Jasmi, K. A., Nor Muhamad, N. H., & Awang, R. (2012). *Buku Panduan Tesis Gaya Fakulti Tamadun Islam*. Skudai, Johor: Fakulti of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, K. A., & Samsah, S. H. (2013). Al-Quran dan Tenaga Suria. In K. A. Jasmi (Ed.), *Botani, Zoologi dan Tenaga dari Perspektif al-Quran* (pp. 33-47). Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Jasmi, K. A., & Selamat, A. (2013). Al-Quran dan Fizik. In K. A. Jasmi (Ed.), *Sains Asas, Fizik, Kimia dan Geografi dari Perspektif al-Quran* (pp. 23-38). Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Kotzé, T. (2007). *Guidelines on Writing a First Quantitative Academic Article* (Second Edition ed.). South Africa: Department of Marketing & Communication Management, University of Pretoria
- Lindsay, D. (1993). *Panduan Penulisan Sainifik: Manual untuk Pelajar dan Penyelidik*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- McCabe, M. J., & Snyder, C. M. (2013). *Does Online Availability Increase Citations? Theory and Evidence from a Panel of Economics and Business Journals*. http://mccabe.people.si.umich.edu/McCabe_Snyder_Revised_3_2013.pdf
- Murphy, A. (2010). *Academic Writing and Publishing Matters for the scholar-researcher* (First edition ed.). Ireland: Dublin Institute of Technology.
- Nomaler, Ö., Frenken, K., & Heimeriks, G. (2013). Do More Distant Collaborations have More Citation Impact? *Journal of Informetrics*, 7(2013), 966–971.
- Porter, R. (2007). Why Academics Have a Hard Time Writing Good Grant Proposals. *The Journal of Research Administration*, XXXVIII(2), 37-43.
- Robinson, F. P. (1962). *Effective study*. New York: Harper and Row.

- Rosman, A. S. (2002). *Harta Intelektual Menurut Fiqh Islam: Pendekatan Perbandingan dengan Undang-undang Malaysia*. Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Sanni, S. A., & Zainab, A. N. (2010). Google Scholar as a Source for Citation and Impact Analysis for a Non-ISI Indexed Medical Journal. *Malaysian Journal of Library & Information Science*, 15(3), 35-51.

MEMPERKASAKAN KEPUSTAKAAN DALAM PENDIDIKAN ISLAM DAN PENGAJIAN ISLAM DI MALAYSIA MELALUI PERANTARAAN PENGGUNAAN PERISIAN ENDNOTE*

Kamarul Azmi Jasmi
Fakulti Tamadun Islam
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak

Kerta kerja ini membincangkan secara khusus penulisan akademik dan penggunaan perisian Endnote dalam tulisan akademik tersebut. Faedah penggunaan perisian Endnote dari penjimatan masa, kosong silap dalam penulisan rujukan, perancangan pembinaan keupustakaan dalam bidang Pendidikan dan Pengajian Islam, dan peningkatan profesionalisme para pensyarah dan para pelajar dalam bidang dalam penulisan. Turut dikupas secara mendalam dalam kertas kerja ini ialah penghuraian cara pemasangan Endnote, pengendaliannya, dan pengubahsuaianya berdasarkan gaya rujukan dalam penulisan akademik khususnya di Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia dan umumnya dalam bidang Pendidikan Islam dan Pengajian Islam di Malaysia.

PENGENALAN

Membina keupustakaan dalam Pendidikan Islam dan Pengajian Islam memberi maksud kepada pembinaan dan penghasilan penulisan akademik bagi memperbanyakkan lagi penghasilan kertas kerja, jurnal, tesis, buku, dan lain-lain tulisan yang menjadi rujukan kepada masyarakat Malaysia khususnya dalam kalangan ahli akademik. Penghasilan penulisan akademik ini pula mempunyai ciri khusus kaedah penulisan berbanding tulisan berbentuk popular. Ciri yang paling ketara dalam penulisan akademik ialah terdapatnya sistem rujukan yang sistematik dan selaras berbentuk rujukan teks atau nota kaki dalam tulisan tersebut (Amato, 1998; Trimmer, 1998; Winkler, 1999; Hartley, 2008; Holloway, 2008; Belt *et al.*, 2011; Jasmi, Kamarul Azmi, 2014; Jasmi, Kamarul Azmi, 2014; Burrows, 2011; Murphy, 2010).

Penghasilan tulisan akademik pada zaman ini sudah semakin mudah dengan pelbagai bentuk perisian yang memudahkan sistem rujukan. Salah satu perisian yang sangat berguna kepada para pensyarah dan para pelajar peringkat pasca siswazah dalam menulis tesis, jurnal, buku, dan kertas kerja mereka ialah perisian Endnote. Penggunaan perisian ini mempunyai kesan yang sangat signifikan pada ketika ini dalam membina keupustakaan dalam bidang Pendidikan dan Pengajian Islam pada ketika ini dan akan datang.

Kertas kerja ini cuba mengupas Endnote dari segi faedah dalam Pendidikan dan Pengajian Islam, cara pemasangan, cara pengubahsuaian perisian Endnote dengan gaya penulisan Pendidikan dan Pengajian Islam, dan cara penggunaan yang berkesan.

* Kertas kerja ini dibentangkan dalam Bengkel Endnote dalam Penulisan Akademik di Dewan Pengajian Siswazah, T07, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia pada 25 Oktober 2014, yang dianjurkan oleh Persatuan Pengajian Siswazah, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.

FAEDAH PENGGUNAAN ENDNOTE

Terdapat banyak faedah dalam penggunaan Endnote kepada pengguna khususnya dalam bidang pengajian Islam dan Pendidikan Islam. Antara faedah yang boleh diperoleh ialah dari segi penjimatan masa, kosong silap dalam penulisan rujukan teks dan rujukan akhir, merancakkan lagi pembinaan perpustakaan dalam bidang Pendidikan dan Pengajian Islam, dan meningkatkan profesionalisme para pensyarah dan para pelajar dalam bidang dalam penulisan.

Penjimatan Masa

Salah satu daripada faedah penggunaan Endnote ialah penjimatan masa dalam menulis kertas kerja, jurnal, dan tesis. Penjimatan masa diperoleh apabila para pensyarah dan para pelajar tidak perlu lagi menumpukan usaha untuk membetulkan rujukan teks dan rujukan akhir atau bibliografi mengikut format atau gaya penulisan sama ada dari segi gaya fakulti dan universiti atau gaya rujukan dalam teks, rujukan nota kaki, dan nota akhir (Robinson, 1962; Lindsay, 1993; Jasmi *et al.*, 2012). Semua bentuk gaya ini boleh disetkan dalam sistem template yang pelbagai yang telah dibina dan dikumpulkan dalam pada database Endnote.

Kosong Silap dalam Penulisan Rujukan Akademik


Masalah utama dalam penulisan akademik seperti kertas kerja, jurnal, dan tesis khususnya kepada para pelajar pasca siswazah ialah kelemahan dari segi menfailkan database sumber rujukan yang digunakan oleh mereka. Penulisan tesis yang panjang seperti peringkat sarjana dengan sekurang-kurangnya selama satu hingga tiga atau empat semester dan tesis peringkat PhD dari enam hingga lapan semester menjadikan para pelajar pasca siswazah menjadikan mereka terlepas pandang kepada sistem pengumpulan rujukan yang sistematik. Sistem penfailan yang lemah menyebabkan mereka tidak dapat mengesan sumber asal bahan yang telah digunakan dalam penulisan sehingga tidak dapat menyediakan satu rujukan yang lengkap bagi semua rujukan yang digunakan oleh mereka dalam rujukan teks (Hartley, 2008).




Rajah 1 Perkongsian database rujukan individu dalam beberapa peralatan computer dan gadget

Endnote menyediakan satu database dalam komputer dan laman web yang diberikan secara percuma untuk semua rujukan yang digunakan oleh individu yang menggunakannya. Setiap rujukan yang diperbaharui akan secara automatik juga diperbaharukan dalam laman web. Sekiranya sesuatu komputer bermasalah, seseorang boleh memuat turun semula database rujukan mereka daripada laman web individu tersebut. Bahkan jika seseorang mempunyai beberapa komputer, mereka boleh menyelaraskan database rujukan ini tanpa sebarang susah payah sebagaimana yang ditunjukkan

dalam Rajah 1. Contoh database komputer dan database web boleh dilihat seperti yang ditunjukkan dalam Gambar 1 dan Gambar 2.



Gambar 1 Database rujukan dalam sistem Endnote computer




Gambar 2 Database rujukan dalam sistem web Endnote

Masalah kedua yang menyukarkan para pelajar ialah gaya dan format fakulti dalam penulisan akademik. Kesilapan dan ketidak keselarasan dalam penggunaan gaya rujukan teks dan rujukan akhir dan bibliografi banyak mencatatkan teknikal penulisan akademik. Hal ini sedikit sebanyak memberi

kesan kepada rupa bentuk penulisan akademik seseorang pelajar (Hartley, 2008). Gaya penulisan Fakulti Tamadun Islam sebagai contoh perlukan keselarasan dari segi penggunaan rujukan yang mempunyai satu, dua, tiga dan lebih pengarang. Begitu juga rujukan bagi hadis yang memetik nombor hadis berbanding dengan rujukan kitab yang memetik bilangan jilid dan halaman. Hal ini belum lagi ditambah dengan teknikal penulisan rujukan penuh atau bibliografi yang agak rumit untuk ditulis dan diselaraskan antara jenis bahan rujukan yang digunakan (Jasmi *et al.*, 2012; Jasmi, Kamaru Azmi, 2014a). Penggunaan Endnote menjadikan semua masalah ini berlalu pergi seperti *angin lalu*.

Hal ini demikian kerana perisian Endnote sebaliknya pula menyediakan template dari pelbagai bentuk dan jenis rujukan dari pelbagai bidang di dunia yang boleh diubahsuai mengikut gaya rujukan fakulti dan universiti tempatan. Pengubahsuaian tersebut menjadikan setiap jenis rujukan teks, rujukan nota kaki, dan rujukan penuh atau bibliografi adalah selaras mengikut template yang disetkan.



Name	Category
Annals Behavioral Med	Psychology
Annotated	Generic
APA 6th	Psychology
APA 6th - Sentence Case	Psychology
APA 6th (sections)	Psychology
APA 6th-full name	Psychology
Author-Date	Generic
Behavioral Brain Sci	Psychology
BMC Medical Education	Education
My Arabic Ref Style	Psychology
My DBP Arabic Ref Style	Psychology
My Style	Sociology
My UTM Ref Style	Psychology
Numbered	Generic
Show All Fields	Generic
Trauma, Violence, and Abuse	Sociology

Gambar 3 Pelbagai jenis template dan template ubahsuaian

Gambar 3 menunjukkan template dalam pelbagai bidang yang disediakan oleh Endnote serta beberapa template yang telah diubahsuai seperti *My Arabic Ref Style*, *My DBP Arabic Ref Style*, *My Style*, dan *My UTM Ref Style*. Gaya ini antaranya adalah berdasarkan gaya penulisan Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia (Jasmi *et al.*, 2012; Jasmi, Kamaru Azmi, 2014a).

Merencanakan Lagi Pembinaan Kepustakaan

Perisian Endnote merencanakan lagi pembinaan kepustakaan dalam Pendidikan Islam dan Pengajian Islam apabila pensyarah dan para pelajar dapat menjimatkan masa mereka dalam menulis sesuatu tulisan akademik kepada beberapa tulisan akademik dalam satu masa. Penggunaan sistem rujukan secara manual menjadikan seseorang penulis menghabiskan satu pertiga daripada masa penulisan mereka untuk menyelaraskan sistem dan teknikal rujukan. Masa-masa ini jika dikumpul menjadikan seseorang boleh meningkatkan penulisan akademik kepada sebanyak satu pertiga daripada masa-masa mereka menulis (Trimmer, 1998; Amato, 1998; Holloway, 2008; Creme, 2008; Jasmi *et al.*, 2012; Jasmi, Kamaru Azmi, 2014a; Porter, 2007).

Selain itu, perkongsian database rujukan antara sesama bidang boleh menjimatkan lagi masa seseorang untuk menyiapkan database rujukan bagi sesuatu bidang khususnya seperti bidang

Pendidikan Islam dan Pengajian Islam. Perkongsian ini hanya dalam bentuk menyalin dan mengimport salinan Endnote tersebut dalam sistem rujukan antara individu. Hal ini sudah tentu menjadikan masa seseorang lebih jimat untuk menulis lebih banyak lagi penulisan akademik.

Seseorang pensyarah atau pelajar yang sedang menulis tulisan akademik dengan menggunakan sistem rujukan manual sudah tentu merasa agak malas untuk memperbanyakkan rujukan dalam tulisan mereka. Hal ini memandangkan bahawa setiap penambahan rujukan memerlukan penambahan masa untuk dimuatkan dalam tulisan yang ditulis (Amato, 1998; Trimmer, 1998; Winkler, 1999; Porter, 2007). Namun dengan penggunaan Endnote ini, masalah ini tidak lagi menjadi masalah besar untuk memuat turun rujukan dalam penulisan. Hasil daripada kemudahan ini sudah tentu boleh merancakkan lagi keinginan seseorang untuk menulis yang menyebabkan pembinaan kepustakaan dalam Pendidikan Islam dan Pengajian Islam akan semakin rancak.

Meningkatkan Profesionalisme

Penggunaan rujukan yang banyak dalam sesuatu penulisan akademik bukan sahaja dimudahkan dengan penggunaan perisian Endnote tetapi meningkatkan nilai profesionalisme penulisan akademik yang ditulis. Hal ini kerana selain isi yang mantap, sesuatu penulisan akademik yang mempunyai rujukan yang mantap dalam teks dan bibliografi atau rujukan akhir juga menjadi kayu pengukur kepada kekuatan tulisan tersebut (Senile *et al.*, 2007; Hartley, 2008; Holloway, 2008; Kotzé, 2007; Porter, 2007).

Berdasarkan pengalaman penulisan bab dalam buku serta kertas kerja yang menggunakan sistem rujukan Endnote seperti (Jasmi, Kamarul Azmi, 2014) dan lain-lain (Jasmi, Mahamad Remli, *et al.*, 2014; Jasmi, Ahamed, *et al.*, 2014; Jasmi, Kamaru Azmi, 2014d, 2014c, 2014b) lebih dilihat profesional daripada menggunakan sistem rujukan manual seperti (Jasmi, Kamaru Azmi, 2014a) dan lain-lain (Jasmi & Selamat, 2013; Jasmi & Samseh, 2013; Jasmi & Mohd Hanafiah, 2013; Jasmi & Mat Udin, 2013; Jasmi & Hassan, 2013; Jasmi & Che Noh, 2013; Jasmi & Ahmad Zawawi, 2013; Jasmi *et al.*, 2013; Jasmi, 2013b, 2013a).

Selain itu, penggunaan Endnote juga memberikan pulangan yang berbaloi kepada para akademik mengikut kumpulan bidang masing-masing dalam bentuk sumbangan citation antara satu lain. Penyediaan data base yang lengkap sehingga dihubungkan kepada tulisan asal yang ada di web dalam sistem rujukan Endnote komputer dan Endnot web memudahkan penjejakan setiap tulisan yang diterbitkan untuk dihubungkan dalam bentuk citation kepada sumber asal yang menjadi rujukan. Setiap sumbangan citation daripada sesuatu tulisan akan meningkatkan peluang tulisan tersebut pula dicite oleh orang lain (Ebrahim *et al.*, 2013; Fowler & Aksnes, 2007; Hajjem *et al.*, 2005; McCabe & Snyder, 2013; Nomaler *et al.*, 2013; Sanni & Zainab, 2010).

Kesudahannya setiap tulisan yang terhasil dengan lebih banyak, maka peluang untuk seseorang sarjana mengembangkan kesarjanaan dalam bidang mereka masing-masing akan semakin berkembang dengan baik. Hal ini seterusnya membolehkan setiap penulisan akademik tersebut pula boleh pula diindekskan dalam Indek ISI Web Science, Indeks Scopus, dan Indeks Google apabila tulisan ini mula dicited oleh orang lain (Jasmi, Kamarul Azmi, 2014).

PEMASANGAN

Menjadi kebiasaan bagi univesiti untuk melanggan Endnote untuk staf dan para pelajar mereka. Setiap pemasangan ke dalam komputer kepada para staf dan para pelajar secara zahirnya percuma dengan mengambil nombor lesen pengaktifan. Namun, pada hakikatnya semua ini adalah berbayar

yang dibayar secara pukal oleh universiti kepada pemilik perisian, iaitu Thomson Reuters. Penggunaan Endnote terkini sebagai contoh di UTM yang dilanggan ialah Endnote X7.1. Para pelajar perlu menggunakan perisian asli agar setiap database rujukan yang dibina mampu dihubungkan pula dengan database rujukan web yang disediakan oleh Thomson Reuters. Oleh sebab itu, amanah dalam penggunaan lesen adalah khusus kepada staf dan para pelajar UTM sahaja. Jika diberikan kepada orang yang lain, maka hal ini dianggap sebagai tidak amanah yang akan dipertanyakan dihari Kiamat nanti (Al-Nawawi, 1998; Rosman, 2002).

Para pensyarah dan pelajar UTM boleh mendapat perisian Endnote X7.1 ini dengan dimuat turun daripada laman sesawang <http://cyberubp.utm.my/>. Taip carian Endnote 7 dan muka tapak tersebut akan dibuka. Pada muka ini ada pilihan Endnote untuk Window dan Mac dan boleh didownload mana yang sesuai dengan peralatan komputer masing-masing. Pada bahagian bawah tapak web tersebut terdapat no lesen pengaktifan dan perlu disalin juga.

Sebelum memasang Endnote X7.1 ini perlu memastikan bahawa penggunaan yang maksimum dan terbaik bersama dengan Word Office versi 10 agar tahap pencapaian penggunaan menjadi paling tinggi. Semua antivirus perlu dilumpuhkan untuk sementara waktu agar tidak mengganggu perisian Endnote yang diinstallkan. Pengalaman penulis terdapat kes yang menunjukkan antivirus telah mengganggu sebahagian fail sehingga perisian tidak berfungsi dengan baik. Sekiranya ketidak fungsian ini berlaku, maka mereka perlu membuang semua perisian tersebut dan memuat turun fail perisian semula dari tapak web seterusnya memasangkannya semula dalam computer.

Install seperti biasa perisian ini dan pada kotak no lesen, para pensyarah dan pelajar perlu tampalkan nombor lesen yang telah disalin. Daftarkan Nama Penuh tanpan bin atau binti dan insitusi seperti FTI, UTM. Ikut arahan pemasangan sehingga selesai. Setelah selesai, boleh buka perisian Endnote di butang Start dan pilih *Create New* pada kotak bahagian kedua. Letakkan nama fail database yang akan digunakan. Sekalipun database rujukan boleh dicreate dengan pelbagai fail. Namun dalam kes Endnote ini seseorang individu hanya digalak menggunakan satu fail dengan satu nama sahaja selama menggunakan perisian ini.

Setelah itu satu tingkap yang tertulis database nama individu yang membukanya maka pengguna boleh mengimport database orang lain untuk dimasukkan dalam database mereka dengan langkah berikut:

- >Pilih File dalam pilihan menu
- >Import
- >Fail
- >Choose Fail
- >Klik butang Import pada sebelah bawah kanan.

Langkah ini akan memasukkan database yang diimport ke folder Imported References. Sebelum mengimport lain-lain rujukan atau database, pengguna perlu memindahkan ke folder yang lain dengan dicreatkan pada bahagian My Group. Caranya ialah:

- >Pilih Groups pada pilihan menu
- >Creat Group
- >Letakan nama
- >Pindahkan database pada folder Imported References kepada Group yang dicreat tersebut.


Hal ini kerana pengimporan yang baru akan memadamkan rujukan lama yang diimport. Manakala Pemasangan Web Endnote pula dengan cara menginstall fail Plugin web seperti yang dicadangkan sehingga keluar satu butang pada pangkal tingkap di sebelah kiri dengan nama Endnote sebagaimana yang ditunjukkan dalam Gambar 2. Klik butang tersebut, maka akan keluar satu web yang menyuruh anda mendaftar pada web tersebut. Daftar seperti biasa sehingga terhasilnya Account dan Password. Masuk pada account Web tersebut. Hasilnya satu Web database rujukan telah terbina yang sentiasa mengupdate rujukan antara komputer pengguna dengan web Endnote.

PENGUBAHSUAIAN TEMPLATE KEPADA GAYA RUJUKAN FAKULTI

Pengguna perisian boleh membuat pengubahsuaian sistem rujukan mengikut gaya sistem rujukan fakulti dan universiti. Pada umumnya dalam sains sosial seperti Pendidikan Islam dan Pengajian Islam, template yang paling dekat dengan sistem rujukan bidang ini ialah APA sistem. Terdapat beberapa pilihan sistem APA dalam Endnote, iaitu APA 6th, APA 6th - Sentence Case, APA 6th (sections), APA 6th CV, APA 6th-Annotated, APA 6th-full name yang semuanya dalam bidang Psikologi dan Generic.

Daripada semua template ini, APA 6th, dan APA 6th-full name adalah yang paling mirip dengan sistem rujukan gaya FTI, UTM. Oleh sebab itu, pengubahsuaian dilakukan kepada kedua-dua sistem template ini sahaja dengan APA 6th untuk penulisan yang tidak menggunakan penulis dan buku Arab dan APA 6th-full name untuk penulisan yang menggunakan buku Arab. Buku Arab memerlukan para pelajar perlu menulis nama penuh yang lengkap untuk mengenali penulisnya. Hal ini demikian kerana kebanyakan buku Arab meletakkan nama penuh, atau laqab atau nama masyhur sebagai nama mereka apabila menulis. Oleh sebab itu, perlu ditulis secara lengkap nama tersebut. Cara membuat pengubahsuaian sistem rujukan yang menggunakan buku Arab dan sistem rujukan gaya FTI, UTM ini dengan mengambil langkah seperti berikut:

- Langkah 1 : Pilih template APA6th-full name. Pilihan betul sekiranya terdapat tanda ✓ pada template yang dipilih.
- Langkah 2 : Pergi kepada Edit > Output Style > Edit APA6th-full name. Satu template seperti Gambar 4 akan terpapar. Kawasan pengubahsuaian hanya terfokus kepada petak yang ditunjukkan dalam Gambar 4 ini dan boleh klik daripada atas.
- Langkah 3 : Pada bahagian citation klik template dan dalam template terdapat arahan ini: (Author, |Year|, p.^pp. Cited Pages|) untuk citation dan: Author (|Year|, p.^pp. Cited Pages|) untuk citation Author (Year). Arahan ini perlu ditukar kepada (Author, |Year|: ^Cited Pages|) bagi citation biasa dan Author (|Year|: ^Cited Pages|) bagi citation Author (Year).



Gambar 4 Template APA 6th-full name dan tempat pengubahsuaian template



Gambar 5 Bagian pilihan Author List dan perkara yang perlu diubahsuai

- Langkah 4 : Pilih pula Author List. Klik pilihan seperti yang ditunjukkan dalam Gambar 5. Bahagian Abbreviated Author List - First Appearance dan Abbreviated Author List - Subsequent Appearance dengan kedua-dua dipilih pilihan kedua dan klik butang *Italic* pada kotak et al.
- Langkah 5 : Pilih pula bahagian Author Name dan pilih First Author dan Other Author dengan pilihan kedua, iaitu kedudukan seperti yang ditunjukkan dalam Gambar 6. Pilihan kedua ini menjadikan nama bapa sebagai nama utama.



Gambar 6 Pilihan nama bapa sebagai utama pada First author dan Other authors

- Langkah 6 : Pada pilihan Sort Order pilih butang *Don't Sort* kerana susunan rujukan dalam Pengajian Islam dan Pendidikan Islam menyusun pengarang berdasarkan ketokohan dan bukan berdasarkan tahun penerbitan.
- Langkah 7 : Klik butang tutup (x) pada pangkal kanan butang tingkap template yang diubahsuai. Klik butang yes pada pertanyaan: Save changes to the EndNote style file "APA 6th-full name" before closing? Setelah itu namakan Style name dengan nama seperti My FTI, UTM Style dalam kotak Rename tersebut. Berakhirnya penamaan gaya pengubahsuaian rujukan ini maka selesailah langkah untuk menghasilkan satu template gaya rujukan FTI, UTM.


Ketujuh-tujuh langkah ini telah menyelesaikan dan menghasilkan satu gaya sistem rujukan ubahsuaian yang disesuaikan dengan Gaya Penulisan Tesis FTI, UTM. Kaedah yang sama juga digunakan untuk membuat pengubahsuaian terhadap APA 6th untuk tulisan biasa dalam membuat tesis.

PENGGUNAAN

Penggunaan Endnote dengan cara membuka kedua-dua perisian ini dan fail Word 2010 yang hendak dimasukkan rujukan. Apabila tiba pada bahagian yang hendak dimasukkan rujukan iktulah langkah berikut:

- >Pergi ke Perisan Endnote
- >pilih rujukan
- >klik butang butang Alt+2

Secara automatik rujukan teks dan rujukan Akhir atau Bibliografi akan terapar. Pengguna boleh mengklik beberapa rujukan untuk dimasukkan secara serentak dengan mengklik satu rujukan dan sambil mengklik butang CTRL, klik pula rujukan kedua dan seterusnya.



Gambar 7 Tempat penyusunan rujukan dan kemasukan halaman serta jilid

Paparan dalam rujukan teks boleh diubahsuai untuk menjadikan rujukan berbentuk: (Author, [Year]: ^Cited Pages]) kepada: Author ([Year]: ^Cited Pages]) dengan cara berikut:

- >Pergi kepada rujukan yang hendak diubahsuai
- >klik mouse butang kanan
- >pilih *Displays as: Author (Year)*.

Beberapa pilihan paparan lain juga boleh digunakan dengan langkah yang sama. Seterusnya, pengguna yang ingin menyusun dan ingin menambah nombor halaman atau nombor hadis boleh melakukannya dengan langkah beriku:

- >Mengklik rujukan yang telah dicitid
- >klik mouse butang kanan
- >dan pilih *more*.

Pada ketika ini akan keluar tingkap seperti yang ditunjukkan pada Gambar 7. Mulakan penyusunan dengan mengklik butang anak panah untuk menyusu tadbir rujukan. Dan masukkan nombor jilid dan halaman dalam ruangan *pages*.

Penggunaan Endnote sangat praktikal untuk sesuatu tulisan akademik antara satu hingga ke 20 halaman pada tahap *single spacing* sekiranya menggunakan rujukan yang banyak. Namun akan menjadi berat dan mengambil masa yang lama untuk memuat turun rujukan dalam tulisan sekiranya pengguna menggunakannya untuk membuat tesis dan buku. Oleh itu, sebagai jalan penyelesaian untuk menjimatkan masa sebaik-baiknya gunakan halaman yang pendek pada ketika hendak memuat turun rujukan. Setelah sesuatu tulisan telah siap untuk sesuatu baba tau syeksen, bolehlah disalin dan ditampal kepada muka fail word tesis atau buku yang mempunyai halaman yang banyak tersebut. Dengan cara ini, masa menunggu dapat diijimatkan hanya ketika memindahkan isi tulisan kepada tulisan asal sesuatu tesis atau buku.

RUMUSAN

Terbukti penggunaan Endnote dalam penulisan akademik seperti kertas kerja, jurnal, buku, laporan penyelidikan, dan tesis amat banyak faedahnya kepada bidang Pendidikan Islam dan Pengajian Islam. Hal ini kerana, pengguna perisian dalam kalangan pensyarah dan pelajar tidak lagi perlu bersusah payah dalam soal teknikal untuk memasukkan rujukan teks dan rujukan akhir atau bibliografi. Penjimatan masa yang diperoleh dalam memuat turun rujukan membolehkan seseorang sarjana mempunyai masa yang lebih panjang untuk menulis dengan lebih banyak. Hal ini seterusnya mampu memperkasakan lagi pembinaan kepustakaan dalam Pendidikan Islam dan Pengajian Islam di UTM khususnya, dan di Malaysia umumnya.

RUJUKAN

- Al-Nawawi, M. a.-D. (1998). *Riyad al-Salihin*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Amato, C. J. (1998). *The World's Easiest Guide to Using the APA: A User-Friendly Manual for Formatting Research Papers According to the American Psychological Association Style Guide* (Second Edition ed.). Westminster. CA: Stargazer Pub.
- Belt, P., Mottonen, M., & Harkonen, J. (2011). *Tips for Writing Scientific Journal Articles*. Finland: University of Oulu.
- Burrows, T. (2011). *Writing Research Articles for Publication*. Khlong Luang, Thailand.: Asian Institute of Technology Language Center.
- Creme, P. (2008). *Writing at University: A Guide for Students*. Buckingham. England: Open University Press.
- Ebrahim, N. A., Salehi, H., Embi, M. A., Tanha, F. H., Gholizadch, H., Motahar, S. M., et al. (2013). Effective Strategies for Increasing Citation Frequency. *International Education Studies*, 6(11).
- Fowler, J. H., & Aksnes, D. (2007). Does self-citation pay? *Scientometric*, 72(3), 427–437.

- Hajjem, C., Harnad, S., & Gingras, Y. (2005). Ten-Year Cross-Disciplinary Comparison of the Growth of Open Access and How it Increases Research Citation Impact. *Bulletin of the IEEE Computer Society Technical Committee on Data Engineering*.
- Hartley, J. (2008). *Academic Writing and Publishing: A practical handbook*. London: Routledge.
- Holloway, B. R. (2008). *Technical Writing Basics: A Guide to Style and Form* (Forth Edition ed.). Upper Saddle River, NJ: Pearson/Prentice Hall.
- Jasmi, K. A. (2013a). Al-Quran Satu Mukjizat yang Menakjubkan. In K. A. Jasmi (Ed.), *Penciptaan Manusia dari Perspektif al-Quran*. Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Pres.
- Jasmi, K. A. (2013b). *Penciptaan Manusia dari Perspektif al-Quran*. Skudai, Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, K. A. (2014a). *Kaedah Penulisan Kertas Kerja*. Skudai, Johor: Faculty of Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, K. A. (2014b). Mahasiswa dan Penulisan Kerta Kerja Akademik. In K. A. Jasmi (Ed.), *Mahasiswa dan Kehidupan dari Perspektif Islam* (Vol. 2). Skudai, Johor: Penerbit UTM.
- Jasmi, K. A. (2014c). Mahasiswa dan Teknik Pembelajaran Berkesan. In K. A. Jasmi (Ed.), *Mahasiswa dan Kehidupan dari Perspektif Islam* (Vol. 2). Skudai, Johor: Penerbit UTM.
- Jasmi, K. A. (2014). Membina, Mengurus My Citation, dan Meningkatkan Citation dalam Indeks Google Scholar (GS) dalam Kalangan Sarjana Pendidikan Islam, *Bengkel Pemantapan Akademik* (pp. 1-22): Persatuan Intelek Muslim Malaysia.
- Jasmi, K. A. (2014d). Penggunaan Endnote serta Peranannya dalam Pembinaan Kepustakaan dalam Pendidikan Islam dan Pengajian Islam di Malaysia, *Bengkel Endnote dalam Penulisan Akademik*. Dewan Pengajian Siswazah, T07, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, K. A., Ahamed, A. M., & Noor, J. M. M. (2014). Mahasiswa dan Matlamat Hidup yang Jelas Selaku Bakal Pemimpin Masa Depan. In K. A. Jasmi (Ed.), *Mahasiswa dan Kehidupan dari Perspektif Islam* (Vol. 1). Skudai, Johor: Penerbit UTM.
- Jasmi, K. A., Ahmad, A., & Jamarluddin, I. A. (2013). Al-Quran dan biologi. In K. A. Jasmi (Ed.), *Penciptaan Manusia dari Perspektif al-Quran* (pp. 49-73). Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Jasmi, K. A., & Ahmad Zawawi, N. (2013). Al-Quran dan Geografi. In K. A. Jasmi (Ed.), *Sains Asas, Fizik, Kimia dan Geografi dari Perspektif al-Quran* (pp. 55-81). Skudai, Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, K. A., & Che Noh, M. A. (2013). Sejarah, Kaedah, serta Model Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran, *Bengkel Pemulihan dan Pengayaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) al-Quran SRA JAWI* (pp. 1-17). Lecture Hall, Masjid Negara, Kuala Lumpur.: Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI).
- Jasmi, K. A., & Hassan, N. (2013). Al-Quran dan Geologi. In K. A. Jasmi (Ed.), *Geologi, Hidrologi, Oceanografi dan Astronomi dari Perspektif al-Quran* (pp. 1-19). Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Jasmi, K. A., Mahamad Remli, M. I., & Wan Ibnurushdi, W. E. (2014). Mahasiswa dan Aktiviti Senaman. In K. A. Jasmi (Ed.), *Mahasiswa dan Kehidupan dari Perspektif Islam* (Vol. 3). Skudai, Johor: Penerbit UTM.

- Jasmi, K. A., & Mat Udin, S. (2013). Al-Quran dan Zoologi. In K. A. Jasmi (Ed.), *Bootani, Zoologi dan Tenaga dari Perspektif al-Quran* (pp. 17-31). Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Jasmi, K. A., & Mohd Hanafiah, N. S. (2013). Al-Quran dan Oceanografi. In K. A. Jasmi (Ed.), *Geologi, Hidrologi, Oceanografi dan Astronomi dari Perspektif al-Quran* (pp. 43-59). Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Jasmi, K. A., Nor Muhamad, N. H., & Awang, R. (2012). *Buku Panduan Tesis Gaya Fakulti Tamadun Islam*. Skudai, Johor: Fakulti of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, K. A., & Samsah, S. H. (2013). Al-Quran dan Tenaga Suria. In K. A. Jasmi (Ed.), *Bootani, Zoologi dan Tenaga dari Perspektif al-Quran* (pp. 33-47). Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Jasmi, K. A., & Selamat, A. (2013). Al-Quran dan Fizik. In K. A. Jasmi (Ed.), *Sains Asas, Fizik, Kimia dan Geografi dari Perspektif al-Quran* (pp. 23-38). Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Kotzé, T. (2007). *Guidelines on Writing a First Quantitative Academic Article* (Second Edition ed.). South Africa: Department of Marketing & Communication Management, University of Pretoria
- Lindsay, D. (1993). *Panduan Penulisan Saintifik: Manual untuk Pelajar dan Penyelidik*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- McCabe, M. J., & Snyder, C. M. (2013). Does Online Availability Increase Citations? Theory and Evidence from a Panel of Economics and Business Journals.
- Murphy, A. (2010). *Academic Writing and Publishing Matters for the scholar-researcher* (First edition ed.). Ireland: Dublin Institute of Technology.
- Nomaler, Ö., Frenken, K., & Heimeriks, G. (2013). Do More Distant Collaborations have More Citation Impact? *Journal of Informetrics*, 7(2013), 966–971.
- Porter, R. (2007). Why Academics Have a Hard Time Writing Good Grant Proposals. *The Journal of Research Administration*, XXXVIII(2), 37-43.
- Robinson, F. P. (1962). *Effective study*. New York: Harper and Row.
- Rosman, A. S. (2002). *Harta Intelektual Menurut Fiqh Islam: Pendekatan Perbandingan dengan Undang-undang Malaysia*. Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Sanni, S. A., & Zainab, A. N. (2010). Google Scholar as a Source for Citation and Impact Analysis for a Non-ISI Indexed Medical Journal. *Malaysian Journal of Library & Information Science*, 15(3), 35-51.
- Senile, D. P. J., Whiteley, L., & Mcintosh, S. (2007). *Writing for Scholarly Journals: Publishing in the Arts, Humanities and Social Sciences*. Glasgow: University of Glasgow.
- Trimmer, J. (1998). *The Essentials of MLA Style: A Guide to Documentation for Writers of Research Papers, with an Appendix on APA Style*. Boston, Mass: Houghton Mifflin.
- Winkler, A. C. (1999). *Writing the Research Paper: A Handbook with Both the MLA and APA Documentation Styles* (Fifth Edition ed.). Forth Worth, TX: Harcourt Brace College Publishers.